AUTHOR: No author available SECTION: NEGARA AUDIENCE : 85,000 PAGE: 6 PRINTED SIZE: 265.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,924 WORDS: 323
ITEM ID: DP0121491456

27 JUL, 2026

Relief as two new bridges will ease travel for residents

Kosmo, Malaysia

Lega dua jambatan baharu bakal mudahkan penduduk



BOON LYE (kiri) menyantuni penduduk di Jeti Pengkalan Nelayan Sungai Bawah, Bukit Pelandok di Port Dickson semalam. – NUR SHARIEZA ISMAIL

PORT DICKSON – Penduduk di sekitar Sungai Pelek dan Bukit Pelandok menarik nafas lega apabila dua projek jambatan baharu yang dirancang dijangka dapat memendekkan masa perjalanan serta memudahkan urusan harian mereka apabila siap kelak.

Bagi Hamidan Safonen, 62, dari Pachitan, pembinaan jambatan itu amat dinantikan kerana sudah empat hingga lima tahun dia berulang-alik menggunakan perkhidmatan penambang untuk ke Sungai Pelek.

Katanya, setiap perjalanan menaiki motosikal melalui jeti dikenakan tambang RM2 sehala, menyebabkan beliau membelanjakan kira-kira RM100 sebulan.

"Kalau ada jambatan nanti, sudah tentu lebih mudah. Tak perlu lagi bergantung kepada penambang setiap kali ulang-alik," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi penduduk, Ah Pau, 56, dari Kampung Sungai Nipah berkata, jambatan baharu itu akan memudahkan penduduk terutama mereka yang kerap berulang-alik membeli barangan keperluan.

"Kalau ikut jalan darat memang jauh, sebab itu ramai guna feri. Bila ada jambatan nanti, urusan harian akan jadi lebih mudah," katanya.

Sementara itu, calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Chuah, Datuk Yew Boon Lye berkata, projek Jambatan Sungai Sepang yang menghubungkan Sungai Pelek dengan Bukit Pelandok sudah diluluskan di bawah Belanjawan 2024.

Menurutnya, isu keperluan jambatan ini telah dibawa melalui mesyuarat DUN dan mesyuarat jawatankuasa berkaitan bagi mendapatkan perkembangan terkini mengenai pelaksanaan projek.

"Apabila saya bertanya dalam mesyuarat DUN dan juga mesyuarat jawatankuasa sebelum ini, saya dimaklumkan projek tersebut telah sampai ke peringkat pelantikan kontraktor dan dijangka bermula tahun ini.

"Projek dengan siling peruntukan RM160 juta di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) itu akan menghubungkan Sungai Pelek dan Bukit Pelandok," katanya ketika ditemui di Jeti Pengkalan Nelayan Sungai Bawah, Bukit Pelandok.

Beliau berkata, sebuah lagi projek iaitu Jambatan Kuala Lukut-Chuah kini berada pada peringkat reka bentuk dengan siling peruntukan RM200 juta.

Katanya, apabila siap kelak, jambatan itu dijangka memendekkan perjalanan dari sekitar 20 hingga 30 minit kepada hanya 3 hingga 5 minit.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.